

Headline : Anak syarikat Salcon dapat projek bina loji kuasa hidro

News Source : Berita Harian,

<https://origin.bharian.com.my/bisnes/korporat/2023/04/1091107/anak-syarikat-salcon-dapat-projek-bina-loji-kuasa-hidro>

Date : 18 April 2023 (Tuesday)



Salcon Engineering Bhd

Anak syarikat Salcon dapat projek bina loji kuasa hidro

[f Share](#) [Tweet](#)

KUALA LUMPUR: Anak syarikat milik penuh Salcon Bhd (Salcon), Salcon Engineering Bhd, meraih kontrak pembinaan bernilai RM64.99 juta untuk membangunkan projek loji kuasa hidro berkapasiti 10.44MW di Empangan Sungai Selangor.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini, syarikat itu berkata Salcon Engineering telah menerima surat lantikan daripada AIS Small Hydro Sdn Bhd pada 14 April 2023, untuk projek berkenaan di bawah mekanisme tarif galakan.

AIS Small Hydro ialah syarikat tujuan khas yang ditubuhkan oleh Air Selangor Holdings Bhd (AIS Holdings) dan Worldwide Holdings Bhd (WHB).

"Projek itu dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan dan aset bersih Salcon Group untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 hingga 31 Disember 2025," menurut Salcon.

Katanya, projek itu dijangka siap pada 3 Mei 2025.

-BERNAMA